



JABATAN PELAJARAN NEGERI SELANGOR
PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA SEKOLAH MENENGAH



PROGRAM PENINGKATAN PRESTASI AKADEMIK (2)
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010

3756/1

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 1
Sept./Okt.
1¼ jam

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf A, B, C dan D. Bagi tiap-tiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Tandakan semua jawapan anda pada kertas jawapan yang disediakan.*
4. *Penggunaan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogram adalah dibenarkan.*

Kertas soalan ini mengandungi 15 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

1 Pernyataan manakah tepat tentang perakaunan?

- A Perakaunan adalah lebih luas daripada simpan kira
- B Perakaunan hanya melibatkan proses perancangan dan pengawalan
- C Perakaunan adalah proses merekod urus niaga berdasarkan sistem catatan bergu
- D Perakaunan melibatkan proses merekod, melapor dan mentafsir maklumat kewangan perakaunan

Hanya urus niaga yang berkaitan dengan perniagaan akan direkodkan dalam buku perniagaan.

2 Berdasarkan pernyataan di atas, konsep perakaunan yang diguna pakai adalah:

- A Wang sebagai ukuran
- B Kos sejarah
- C Entiti berasingan
- D Pemandanan

3 Jadual di bawah menunjukkan nilai aset, liabiliti dan ekuiti pemilik.

Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
X	RM11 280	RM24 120

Hitung nilai X.

- A RM11 280
- B RM24 120
- C RM35 400
- D RM12 840

- 4 Perniagaan Mutiara mempunyai stok bernilai RM1 200. Separuh daripada stok dijual pada harga RM800 dan dibayar secara tunai RM500 manakala selebihnya adalah secara kredit. Kesan ke atas aset dan liabiliti adalah:

	Tunai (RM)	Stok (RM)	Penghutang (RM)	Ekuiti (RM)
A	+ 800	- 1 200	- 300	+ 800
B	+ 500	+ 600	- 300	- 200
C	+ 500	- 600	+ 300	+ 200
D	- 800	+ 1 200	+ 300	- 800

- 5 Pada 20 Jun 2009 Kedai Runcit Maya telah membeli barang secara kredit daripada Pemborong Aneka berjumlah RM270. Diskaun niaga adalah 15%. Apakah dokumen yang diterima oleh Kedai Runcit Maya dan hitung jumlah diskaun yang diterimanya?

	Dokumen Diterima	Jumlah Diskaun Diterima
A	Resit	RM40.50
B	Invois	RM40.50
C	Nota Debit	RM229.50
D	Nota Kredit	RM229.50

RESIT	FARID HAIKAL CAFÉ 45 Jalan Kg. Sg. Choh 48300 Rawang	No. 124
		10 Ogos 2010
Diterima daripada:	<i>Syarikat Amin Berhad</i>
Ringgit Malaysia :	<i>Lapan Ratus Lapan Puluh Sahaja</i>
Untuk bayaran :	<i>Menjelaskan invois 899 berjumlah RM900</i>
RM880/=		<i>Farid Haikal</i>
Tunai/Cek No: 123456		Pengurus

- 6 Siapakah pemiutang dalam resit di atas?

- A Bank
- B Farid Haikal
- C Farid Haikal Café
- D Syarikat Amin Berhad

- 7 Dokumen berikut diperoleh daripada Perniagaan Pasar Raya Grand Union pada bulan September 2010.

MAKLUMAN DEBIT		
BANK AFFIN BERHAD No. 1167 Jalan Bandar Baru, 48300 Rawang, Selangor.	Tarikh: 15 September 2010	
Kepada: Pasar Raya Grand Union, No. 18 Jalan Bukit Beruntung, 48300 Rawang, Selangor.	No. Akaun: 16587652982	
Sila ambil perhatian bahawa akaun tuan telah didebitkan seperti berikut: Ringgit Malaysia: <u>Sembilan Ratus Enam Puluh Sahaja</u> Perkara : <u>Premium insurans bagi polisi bernombor K37651000</u>		
<table border="1"><tr><td>RM960.00</td></tr></table>	RM960.00	<p><i>Sabariah</i> Pengurus</p>
RM960.00		

Apakah Buku Catatan Pertama yang digunakan untuk merekod dokumen tersebut?

- A Jurnal am
B Buku tunai
C Jurnal belian
D Jurnal pulangan belian
- 8 Urus niaga yang manakah perlu direkodkan dalam Jurnal Khas?
- I Membeli barang secara kredit daripada Syarikat Hanif berjumlah RM882
II Memulangkan barang bernilai RM30 kepada Syarikat Habib
III Pemilik mengambil wang tunai dari kedai untuk membayar yuran sekolah anaknya
IV Mengeluarkan invoice sebanyak RM430 kepada Syarikat Sarah untuk barang niaga
- A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

2009		RM
Jan 1	Baki tunai di tangan	850
	Baki tunai di bank	12 320
4	Beli barang secara tunai	340
7	Terima cek daripada Rahim bagi menjelaskan akaunnya	1 380
12	Jualan tunai	760
15	Bayar sewa kedai dengan cek	250
18	Bayar pembekal Warisan dengan cek	1 900

- 9 Berdasarkan maklumat di atas, hitung baki akhir tunai di tangan dan baki akhir tunai di bank.

	Baki Akhir Tunai Di Tangan	Baki Akhir Tunai Di Bank
A	RM1 190	RM10 420
B	RM1 270	RM11 550
C	RM1 440	RM13 700
D	RM1 950	RM15 230

- 10 Antara yang berikut, urus niaga manakah yang direkodkan dalam Buku Tunai Runcit?

- I Setem dan pos
- II Upah potong rumput
- III Minum dengan pelanggan
- IV Belanja ubah suai bangunan

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

- 11 Azri Computer Marketing telah menjual satu set komputer kepada Kedai Buku Al-Hafiz secara kredit.

Apakah catatan bergu bagi urus niaga tersebut dalam buku Azri Computer Marketing?

	Akaun Didebitkan	Akaun Dikreditkan
A	Alatan pejabat	Jualan
B	Kedai Buku Al-Hafiz	Jualan
C	Alatan pejabat	Kedai Buku Al-Hafiz
D	Jualan	Alatan pejabat

[Lihat halaman sebelah
SULIT

- 12 Maklumat berikut diperolehi daripada Perniagaan Shidah sepanjang bulan Jun 2010.

1 Jun 2010	Baki penghutang	RM2 000
------------	-----------------	---------

Buku Tunai

Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank
2010		RM	RM	RM	2010		RM	RM	RM
Jun 1	Baki b/b		500	800	Jun 6	Perabot			860
10	Jualan		230		12	Belian		145	
17	Amir				20	Yi Qing	10		310
	Enterprise	24		600	27	Sewa		300	
24	Jualan		430		30	Gaji			350

Berdasarkan maklumat di atas, berapakah baki akhir penghutang?

- A RM1 340
 B RM1 376
 C RM1 680
 D RM1 855
- 13 Maklumat berikut diperolehi daripada Perniagaan Amin bagi tahun berakhir 31 Mei 2010.

	RM
Untung kasar	5 620
Komisen diterima	280
Insurans kedai	1 845
Alat tulis	124
Angkutan keluar	313
Upah dan gaji	1 200
Duti import	300

Berapakah untung bersih Perniagaan Amin bagi tahun berakhir 31 Mei 2010?

- A RM1 558
 B RM2 118
 C RM2 418
 D RM2 718

14 Antara yang berikut, yang manakah akan terlibat dalam penyediaan Akaun Perdagangan?

- I Jualan dan Belian
- II Stok Awal dan Stok Akhir
- III Angkutan Keluar dan Insurans
- IV Duti Import dan Upah Atas Belian

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

15 Pada 1 Januari 2009, Syarikat Sari Mahirah telah membayar pendahuluan sewa untuk tempoh tiga bulan sebanyak RM1 800. Tempoh perakaunan syarikat tersebut berakhir pada 31 Disember 2009.

Hitung belanja sewa yang sepatutnya dipindahkan ke Akaun Untung Rugi bagi tahun 2009.

- A RM1 800
- B RM5 400
- C RM7 200
- D RM9 000

Harga kos van	: RM60 000
Kadar susut nilai	: 10% setahun atas kos
Tarikh beli van	: 1 Julai 2007
Tarikh pelupusan van	: 31 Disember 2009
Harga jualan	: RM43 800

16 Hitung untung atau rugi atas pelupusan van tersebut.

- A Untung pelupusan RM1 200
- B Rugi pelupusan RM1 200
- C Untung pelupusan RM1 800
- D Rugi pelupusan RM1 800

- 17 Maklumat berikut diambil daripada Imbangan Duga Perniagaan Fadzrul pada 31 Disember 2009.

	Debit (RM)	Kredit (RM)
Kenderaan (kos) Peruntukan Susut Nilai Kenderaan	50 000	8 000

Kenderaan disusutnilaikan 10% setahun kaedah baki berkurangan. Berdasarkan maklumat di atas, catatan manakah yang tepat dalam Kunci Kira-kira?

Kunci Kira-kira Pada 31 Disember 2009

A	Aset Bukan Semasa	
	Kenderaan	50 000
	Tolak: Peruntukan Susut Nilai Kenderaan	8 000
		<u>42 000</u>

Kunci Kira-kira Pada 31 Disember 2009

B	Aset Bukan Semasa	
	Kenderaan	50 000
	Tolak: Peruntukan Susut Nilai Kenderaan	5 000
		<u>45 000</u>

Kunci Kira-kira Pada 31 Disember 2009

C	Aset Bukan Semasa	
	Kenderaan	50 000
	Tolak: Peruntukan Susut Nilai Kenderaan	12 200
		<u>37 800</u>

Kunci Kira-kira Pada 31 Disember 2009

D	Aset Bukan Semasa	
	Kenderaan	50 000
	Tolak: Peruntukan Susut Nilai Kenderaan	4 200
		<u>45 800</u>

- 18 Pada setiap hujung bulan, pihak bank akan menyediakan satu ringkasan maklumat akaun semasa pelanggannya.

Apakah nama ringkasan maklumat tersebut?

- A Maklumat kredit
- B Maklumat debit
- C Penyata bank
- D Penyata penyesuaian bank

- 19 Petikan Penyata Bank dan Buku Tunai berikut diperoleh daripada buku Kedai Runcit Fareez.

Penyata Bank

Tarikh	Butir	No. Cek	Wang keluar (Debit)	Wang masuk (Kredit)	Baki
2010 Mac 17	Deposit cek	00115	RM	RM 190	RM

Buku Tunai (Ruangan Bank)

Tarikh	Butir-butir	Jumlah (RM)	Tarikh	Butir-butir	Jumlah (RM)
2010 Mac 12	Jualan (00115)	910			

Maklumat tambahan:

Jumlah jualan tersalah catat dalam Buku Tunai.

Apakah catatan yang perlu dibuat untuk mengemas kini Buku Tunai?

- A Debit RM190
- B Debit RM720
- C Kredit RM720
- D Kredit RM910

- 20 Soalan 20 berdasarkan petikan Akaun Kawalan Penghutang di bawah.

Akaun Kawalan Penghutang

Jan 1	Baki b/b	4 250	Jan 1	Baki b/b	92
Dis 31	Jualan	55 000	Dis 31	Bank	48 900
	Bank	210		Diskaun diberi	860
	Diskaun diberi	70			
	X	100			
	Baki h/b	479		Baki h/b	10 257
		<u>60 109</u>			<u>60 109</u>

Butiran X berkemungkinan adalah

- I angkutan
- II faedah
- III pulangan jualan
- IV kontra

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

[Lihat halaman sebelah
SULIT

21 Pernyataan yang manakah menyebabkan akaun kawalan penghutang berbaki kredit?

- I Penghutang terlebih bayar
- II Penghutang memulangkan barang selepas akaunnya dijelaskan
- III Penghutang berkurangan caj
- IV Penghutang menambahkan hutangnya

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

22 Akaun kawalan pemiutang mewakili semua akaun-akaun pemiutang dalam lejar subsidiari. Akaun kawalan pemiutang juga dikenali sebagai

- I Akaun Belum Bayar
- II Akaun Belum Terima
- III Akaun Kawalan Lejar Jualan
- IV Akaun Kawalan Lejar Belian

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

23 Cik Lily kerani akaun telah melakukan kesilapan berikut:

Belian barang niaga daripada Syarikat Halem sebanyak RM1 200 telah dikreditkan ke dalam akaun Syarikat Salem.

Catatan untuk membetulkan kesilapan adalah:

	Akaun Didebitkan	Akaun Dikreditkan
A	Akaun Belian	Syarikat Halem
B	Akaun Belian	Syarikat Salem
C	Syarikat Salem	Syarikat Halem
D	Syarikat Halem	Syarikat Salem

24 Ali dan Abu adalah dua rakan kongsi yang telah mendaftarkan perjanjian perkongsian. Mereka telah berselisih faham tentang elaan pekongsi.

Apakah dokumen yang mereka harus rujuk untuk menyelesaikan perselisihan tersebut?

- A Akta Perkongsian 1961
- B Ikatan Perkongsian
- C Tatawujud Perkongsian
- D Sijil Penubuhan Perkongsian

- 25 Berikut adalah petikan Kunci Kira-kira Perkongsian Man dan Min.

Kunci Kira-kira Pada 31 Disember 2009

	<u>Ekuiti pemilik</u>	RM
Modal: Man		30 000
Min		20 000
X : Man		1 000
Min		4 000
		55 000

Apakah X?

- A Untung bersih
 - B Akaun Lebihan
 - C Akaun Semasa
 - D Akaun Pengasingan Untung Rugi
- 26 Pilih catatan yang betul untuk merekod rugi realisasi bagi pembubaran perkongsian.

	Akaun Didebitkan	Akaun Dikreditkan
A	Akaun Modal Pekongsi	Akaun Bank
B	Akaun Modal Pekongsi	Akaun Realisasi
C	Akaun Bank	Akaun Modal Pekongsi
D	Akaun Realisasi	Akaun Modal Pekongsi

- 27 Tempoh perakaunan Perkongsian Usaha Tekun berakhir pada 31 Disember 2009. Kadar faedah atas ambilan yang dipersetujui ialah 6% setahun. Seorang rakan kongsi telah membuat ambilan sebanyak RM2 000 pada 31 Mei 2009.

Hitungkan jumlah faedah atas ambilan.

- A RM10
 - B RM70
 - C RM80
 - D RM120
- 28 Apakah jenis modal yang terkandung dalam Tatawujud Syarikat?
- A Modal berdaftar
 - B Modal berbayar
 - C Modal diterbitkan
 - D Modal dilanggan

29 Maklumat berikut diambil daripada buku Syarikat Golden Berhad.

<u>Modal dibenarkan</u>	
2 000 000	8% saham keutamaan RM1 sesaham
1 000 000	saham biasa RM0.50 sesaham
<u>Modal diterbitkan dan berbayar penuh</u>	
1 000 000	8% saham keutamaan RM1 sesaham
1 000 000	saham biasa RM0.50 sesaham

Hitungkan modal diterbitkan.

- A RM500 000
- B RM1 000 000
- C RM1 500 000
- D RM2 500 000

30 Antara yang berikut, yang manakah dicatatkan di sebelah debit Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan?

- A Penerimaan hasil
- B Penerimaan modal
- C Perbelanjaan hasil
- D Perbelanjaan modal

Aset dan Liabiliti Kelab Rekreasi pada 1 Januari 2010	
	RM
Rumah kelab	10 000
Perabot	450
Penghutang	2 450
Pemiutang	1 350
Yuran terdahulu	240
Yuran tertunggak	160

31 Hitung dana terkumpul kelab pada 1 Januari 2010.

- A RM11 470
- B RM11 630
- C RM11 950
- D RM14 650

32 Pilih jawapan yang boleh dihubungkan dengan rekod tidak lengkap.

- I Urus niaga direkodkan berdasarkan sistem catatan tunggal
 - II Urus niaga direkodkan mengikut sistem catatan bergu
 - III Penyata kewangan disediakan mengikut amalan Malaysian Accounting Standards Board (MASB)
 - IV Keuntungan perniagaan ditentukan dengan kaedah perbandingan modal
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

33 Maklumat berikut diperolehi daripada Perniagaan Maju.

	RM
Modal pada 1 Julai 2009	20 000
Modal pada 30 Jun 2010	42 000
Modal tambahan	3 500
Ambilan tunai	700
Ambilan barang niaga	300

Hitung untung bersih atau rugi bersih bagi tahun berakhir 30 Jun 2010.

- A Untung bersih RM18 500
 - B Untung bersih RM19 500
 - C Untung bersih RM22 000
 - D Untung bersih RM22 500
- 34 Butir yang perlu diambil kira untuk menentukan untung atau rugi apabila menggunakan kaedah perbandingan adalah:
- A aset dan liabiliti
 - B aset dan ekuiti pemilik
 - C modal awal dan modal akhir
 - D jumlah jualan dan jumlah belian
- 35 Pilih kos buruh langsung.
- A Gaji jurujual
 - B Gaji penyelia kilang
 - C Gaji pekerja kilang
 - D Gaji pengurus kilang

36 Data berikut diperoleh daripada Kilang Wawasan.

	RM
Belian bahan mentah	18 400
Gaji pekerja kilang	6 200
Sewa kilang	2 400
Kadar bayaran kilang	1 000
Insurans atas belian	600
Royalti hak cipta	5 200

Hitung kos prima.

- A RM25 200
- B RM30 400
- C RM31 400
- D RM33 800

37 Apakah rumus bagi kos pengeluaran?

- A Kos bahan mentah + kos buruh langsung + kos overhead
- B Kos bahan mentah + kos belanja langsung + kos overhead
- C Kos bahan mentah + kos buruh langsung + kos belanja langsung
- D Kos bahan mentah + kos buruh langsung + kos belanja langsung + kos overhead

38 Kos tetap sebuah syarikat ialah RM8 000. Kos berubah seunit keluarannya ialah RM3 dan harga jualan seunit ialah RM5.

Hitung berapakah unit barang yang perlu dijual supaya firma memperolehi untung sebanyak RM4 000.

- A 2 400 unit
- B 4 000 unit
- C 6 000 unit
- D 12 000 unit

39 Data berikut diperoleh daripada buku Akaun Encik Manan bagi tahun berakhir 31 Julai 2010.

	RM
Jualan	60 240
Kos jualan	18 200
Belanja am	16 690
Pulangan jualan	1 640

Berapakah margin untung bersih atas jualan?

- A 39.36%
- B 40.46%
- C 67.07%
- D 68.94%

40 Apakah maksud pusing ganti stok yang rendah?

- I Stok jualan kurang laris
- II Tukar ganti stok yang terlalu kerap
- III Tidak cekap dalam mengurus stok
- IV Berkemampuan menjelaskan hutang pembelian stok

- A I dan III
- B I dan IV
- C II dan III
- D II dan IV

KERTAS SOALAN TAMAT